



DASAR PERHUTANAN NEGARA

[NATIONAL FORESTRY POLICY]

**DILULUSKAN OLEH
MAJLIS TANAH NEGARA
PADA 10hb. APRIL 78
(approved by
the national land council)**

DASAR PERHUTANAN NEGARA

[NATIONAL FORESTRY POLICY]

**DILULUSKAN OLEH MAJLIS TANAH NEGARA
PADA 10hb. APRIL 78**
(approved by the national land council on the 10th. april 78)

Telegraphic Address: PERDANA

Telephone No.: K.L. 201198.



Kuala Lumpur

**TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
DEPUTY PRIME MINISTER MALAYSIA**

KATA-KATA ALUAN



Tanggal 29hb. Ogos, 1977 merupakan detik bersejarah bagi sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia oleh kerana Dasar Perhutanan Negara seperti yang terkandung dalam risalah ini telah dipersetujui oleh Majlis Perhutanan Negara dan disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada 10hb. April, 1978. Dasar ini menggantikan Dasar Perhutanan Sementara yang dicadangkan dalam tahun 1952 dan diterima oleh semua Negeri di Semenanjung Malaysia secara prinsip. Dengan penerimaan Dasar Perhutanan Negara ini, Perhutanan di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak bolehlah dianggap melangkah masuk ke satu era baru dari segi persefahaman dan kerjasama yang lebih erat lagi diantara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam perancangan, pengurusan dan pembangunan

hutan serta industri kayu-kayuan demi untuk kepentingan Negara dan Rakyat.

Kekayaan perhutanan yang diwarisi oleh kita semua adalah satu pemberian semulajadi yang boleh dikekalkan. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memeliharanya dengan cekap dan saintifik supaya generasi-generasi akan datang dapat menikmatinya, kerana hutan adalah amat penting bukan sahaja untuk pengeluaran kayu-kayuan dan sebagainya tetapi juga untuk keselamatan alam sekitar. Adalah diharapkan Dasar ini merupakan asas untuk pengurusan dan pembangunan hutan yang berkesan.

Dasar yang telah ditentukan ini perlu dilaksanakan dengan tegas bagi menjamin pencapaian yang berkesan. Ianya perlu dilaksanakan dengan pandangan yang luas dan 'forward looking' serta semangat berkerjasama. Semua pihak yang terlibat mestilah mempunyai peranan masing-masing bagi melaksanakan dasar-dasar tersebut sejajar dengan aspirasi Negara.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa Dasar ini adalah satu asas yang teguh untuk menumpu dan menyalurkan semua tenaga terhadap pembangunan sektor perhutanan. Selaku Pengerusi Majlis Perhutanan Negara, saya berasa amat bangga di atas penerimaan Dasar ini dan merayu kepada semua pihak yang berkenaan supaya menjalankan segala tugas dan tanggungjawab mereka dengan ikhlas dan dedikasi, mengikut garis panduan perlaksanaan Dasar Perhutanan seperti yang terkandung dalam risalah ini.

(DATO SRI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

Pengerusi
Majlis Perhutanan Negara.

Talipon: K.L. 988244

Taligeram: UTAN, KUALA LUMPUR



IBU PEJABAT PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA
(FORESTRY DEPARTMENT)
HEADQUARTERS
JALAN SWETTENHAM
KUALA LUMPUR. 10-02

KATA-KATA ALUAN



Salah satu kejayaan besar dicapai oleh Sektor Perhutanan Semenanjung Malaysia sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) ialah penerimaan Dasar Perhutanan Negara oleh Majlis Perhutanan Negara pada 29hb. Ogos, 1977. Seterusnya Dasar tersebut telah disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada 10hb. April, 1978. Ini merupakan suatu kejayaan penting dalam sejarah perkembangan sektor perhutanan dinegara ini. Dasar ini menggantikan Dasar Perhutanan Sementara yang dicadangkan dalam tahun 1952.

Dengan pengisytiharan Dasar Perhutanan Negara usaha-usaha pembangunan, penyelidikan dan pengurusan sumber hutan dapat dijalankan secara teratur dan saintifik sejajar dengan konsep "sustained yield". Dasar ini memberi garis panduan yang kukuh bagi menjamin pengekalan khazanah Negara yang boleh diperbaharui,

supaya sektor perhutanan akan sentiasa dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara dengan berkekalan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Objektif Dasar yang terkandung dalam risalah ini menentukan garis panduan untuk tujuan-tujuan berikut:—

- * mengkhaskan kawasan Hutan Simpan Kekal bagi pengeluaran kayu-kayan dan lain-lain sumber serta pemeliharaan sumber air dan alam sekitar.
- * menjamin supaya kawasan Hutan Simpan Kekal sentiasa terlindung dari sebarang bahaya kerusakan.
- * mengadakan pengurusan hutan secara teratur.
- * menggalakkan pelbagaigunaan hutan.
- * meningkatkan penggunaan khazanah hutan yang maksima melalui penubuhan kilang-kilang pemerosesan yang "integrated."
- * menggalakkan penggunaan prinsip-prinsip sains yang terbaru dan berkemaskini dalam bidang pengurusan hutan.
- * meningkatkan usaha dan mutu penyelidikan, pendidikan dan latihan.
- * meningkatkan penyertaan Bumiputra yang lebih aktif dalam perusahaan kayu-kayan.

Pengisytiharan Dasar ini telah memulakan satu era baru dimana persefahaman serta kerjasama yang erat telah wujud diantara Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menjamin pengurusan hutan Negara secara berkekalan.

Adalah menjadi harapan semoga Dasar ini dapat menggerakkan pembangunan sektor ekonomi perhutanan Negara kita dengan lebih tersusun dan berkesan lagi.

(MUHAMMAD JABIL)
Ketua Pengarah Perhutanan,
Semenanjung Malaysia.

DASAR PERHUTANAN NEGARA

DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Semenanjung Malaysia sedar tentang kepentingan perhutanan untuk kebajikan masyarakat dan ekonomi Negara. Satu dasar yang sama untuk mengujudkan kerjasama erat di antara Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bertujuan menghasilkan pengurusan hutan yang teratur dan berkesan serta penggunaan khazanah hutan yang bijak, sejajar dengan keperluan-keperluan Negara yang membangun dan progresif perlu diadakan. Dengan ini adalah diisytiharkan bahawa Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah seperti di bawah:—

- 1) Mengisytiharkan sebagai Hutan Simpan Kekal tanah-tanah yang cukup luasnya serta bersesuaian kedudukannya (strategically located) di seluruh Negara mengikut cara penggunaan tanah yang sempurna untuk menjamin:—
 - i) iklim dan rupabumi yang sempurna, bekalan air bersih, kesuburan tanah dan keadaan alam sekeliling yang memuaskan; supaya akibat banjir dan hakisan kepada sungai dan tanah pertanian dapat dikurangkan; kawasan-kawasan hutan serupa ini di namakan: **HUTAN PERLINDUNGAN**;
 - ii) pengeluaran semua jenis keluaran hutan dalam Negara dengan cara berkekalan serta kadar yang berpatutan untuk pertanian, kegunaan tempatan dan eksport; kawasan hutan serupa ini dinamakan: **HUTAN BERHASIL**;
 - iii) kawasan-kawasan yang cukup bagi tujuan beristirehat, menjalankan penyelidikan serta pendidikan dan memelihara tumbuhan-tumbuhan dan mergastua terganjil; kawasan hutan serupa ini dinamakan: **HUTAN LIPUR**.
- 2) Menguruskan kawasan Hutan Simpan Kekal dengan sempurna supaya dapat memberi kepada Negara serta penduduk-penduduknya faedah-faedah sosio-ekonomi dan kesejahteraan alam sekeliling dengan sepenuhnya.
- 3) Melaksanakan usaha-usaha pembangunan, pemulihan dan menghidupkan semula melalui satu program yang tegas berpandukan kepada amalan silvikalcar yang sempurna serta berpatutan supaya dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dari kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal.
- 4) Menjamin supaya pengusahaan hasil hutan dari kawasan-kawasan yang di luar Hutan Simpan Kekal itu dilaksanakan dengan cara mengadakan satu-satu

rancangan yang berimbangan dengan kadar pembangunan tanah bagi tujuan mendapatkan faedah-faedah paling tinggi untuk rakyat, sebelum hak-milik tanah diberi dan juga mengikut cara pengusahaan dan pemerosesan hasil yang sempurna dengan setegas-tegasnya mengikut kadar keperluan daya pemerosesan tempatan secara optima.

- 5) Menggalakkan usaha mengeluarkan dan menggunakan kayu bagi semua jenis keluaran hutan dengan sepenuhnya dan penubuhan perusahaan kilang-kilang berbahakan kayu dengan kadar-kadar keperluannya ditentukan supaya seimbang dengan kadar pengeluaran balak-balak, bagi tujuan, bukan sahaja untuk meningkatkan mutu penggunaan, bahkan juga membuka peluang-peluang kerja serta mendapatkan pertukaran mata wang asing.
- 6) Menjamin dan menggalakkan perdagangan dan perniagaan serta eksport keluaran hutan diperluaskan.
- 7) Menggalakkan penyertaan Bumiputra yang pesat dalam lapangan perusahaan kayu kayan sejajar dengan dasar Kerajaan.
- 8) Melaksanakan penyelidikan pembangunan hutan mengikut secara tegas bagi menjamin pengeluaran hasil yang banyak dari kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal serta lain-lain faedah melalui pengusahaan dan penggunaan kayu, terutama sekali mendapatkan pulangan modal pelaburan yang tinggi dalam segala bidang aktiviti-aktiviti pembangunan hutan dan perusahaan hutan.
- 9) Melaksanakan satu program latihan perhutanan yang lengkap di semua peringkat samada dalam sektor awam atau swasta supaya dapat menjamin, dengan cukupnya bekalan tenaga manusia yang terlatih untuk memenuhi keperluan perindustrian kayukayan.
- 10) Menggalakkan sektor swasta menyertai bidang penyelidikan dan latihan di semua peringkat dengan tujuan supaya pembangunan perindustrian kayukayan serta amalan sains perhutanan dapat dipercepat dan dipertingkatkan lagi.
- 11) Memupuk pemahaman yang meluas di kalangan masyarakat umum berhubung dengan faedah-faedah hutan kepada mereka dan jenerasi-jenerasi akan datang melalui saluran-saluran siberan awam dan pendidikan.
- 12) Melahirkan semangat berkerjasama yang erat antara semua pihak supaya khazanah semulajadi Negara yang berharga dapat digunakan dengan sepenuhnya.

PERLAKSANAAN DASAR

A. PENGISYTIHARAN HUTAN SIMPAN KEKAL

1) Hutan Simpan Kekal yang mencukupi serta terjamin hakmiliknya hendaklah ditentukan. Kawasan-kawasan tanah yang difikirkan perlu dijadikan Hutan Simpan Kekal bagi tujuan perlindungan, memelihara kesetabilan alam sekitar penghasilan dan penglipuran seperti disebut dalam Dasar Perhutanan ini patutlah ditentu dan diisytiharkan dengan seberapa segeranya. Langkah-langkah bagi penentuan dan pengisytiharan kawasan-kawasan itu patutlah diberi keutamaan oleh semua pihak berkenaan.

2) Apabila menentukan kawasan-kawasan untuk dijadikan Hutan Simpan Kekal pertimbangan sewajarnya patutlah diberi kepada perkara-perkara berikut:—

- i) Keadaan tanah kadangkala boleh menghadkan keupayaan penghasilan hutan. Oleh yang demikian tujuan untuk maksud-maksud perlindungan dan penghasilan itu tidak selalunya boleh disatukan.
- ii) Hutan Berhasil patutlah diadakan seberapa yang boleh, di kawasan-kawasan yang bersesuaian (strategically located) di seluruh Semenanjung Malaysia sejajar dengan dasar penggunaan tanah yang sempurna supaya hasil hutan dapat dikeluarkan dengan mudah.
- iii) Jalan-jalan yang berpatutan keadaannya dari jalan-jalan besar atau lain-lain perhubungan yang penting menuju ke kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal Berhasil patutlah diadakan oleh kerana kayu balak adalah sejenis barang dagangan berat dan sukar diangkut.

3) Hutan Perlindungan tidak sekali-kali harus dikeluarkan terkecuali sahaja atas sebab-sebab yang paling istimewa dan itu-pun setelah kajian dibuat dengan teliti. Satu daripada tujuan kajian itu dijalankan ialah untuk memberi jaminan supaya langkah perlindungan yang lain boleh dilaksanakan dan dikuatkuasakan.

4) Tanah hutan yang dijadikan Hutan Simpan Kekal itu bukan sahaja dapat menampung keperluan kayu dan lain-lain hasil hutan yang kian bertambah bahkan juga akan dapat menjamin dengan sempurna, pemeliharaan tanah, kesetabilan alam sekitar, pengurusan kawasan tadahan air, hidupan liar, pengisytihatan, keindahan alam semulajadi, penyelidikan dan pendidikan.

5) Semua kawasan hutan yang terdapat di kawasan-kawasan pergunungan curam, kawasan berpayau di tepi pantai dan tanah-tanah daratan yang diketahui sekarang ini tidak diperlukan oleh kegunaan-kegunaan lain, diisytiharkan

sebagai kawasan Hutan Simpan dan sebahagian daripadanya diisytiharkan sebagai Hutan Simpan Kekal, untuk menjamin pemeliharaan dan kesetabilan alam sekitar.

B. PENGURUSAN HUTAN SIMPAN KEKAL

6) Hutan Simpan Kekal hendaklah diurus supaya dapat membekalkan sebanyak-banyaknya semua jenis keluaran hutan dan lain-lain faedah untuk masyarakat umum.

7) Ketua Pengarah Perhutanan adalah bertanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan atas pengurusan Hutan Simpan Kekal dengan cekap lagi teratur dan perlu disempurnakan dengan cara memberi nasihat dan bantuan teknik serta kemudahan-kemudahan latihan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri melalui Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri berkenaan. Bagi kepentingan Negara dan masyarakat umum Kerajaan-Kerajaan Negeri bolehlah menerima nasihat-nasihat teknik dan iktisas yang dikemukakan oleh Ketua Pengarah Perhutanan, bagi dilaksanakan.

8) Jika keperluan mungkin terdapat kelak untuk mengusahakan kawasan-kawasan Hutan Lipur dan Hutan Perlindungan, keputusan mengenainya bolehlah dibuat oleh Kerajaan Negeri atas nasihat Pengarah Perhutanan Negeri.

9) Kerajaan-Kerajaan Negeri hendaklah memberi jaminan bahawa Hutan Simpan Kekal itu mendapat cukup kawalan dari kerosakan atau pencerubuhan.

C. PEMULIHAN HUTAN

10) Aktiviti-aktiviti pembangunan hutan melalui pelaksanaan operasi-operasi pemulihan hutan hendaklah dipergiatkan di seluruh Semenanjung Malaysia supaya pengeluaran kayu balak dan lain-lain keluaran hutan yang optima akan dapat dijamin pada masa akan datang. Rawatan berpatutan akan dijalankan ke atas kawasan-kawasan hutan asli yang mengandungi cukup anak-benih semulajadi, sementara dalam kawasan-kawasan hutan yang miskin pula tanaman mengaya dengan jenis-jenis tempatan dan dengan jenis-jenis lain yang sesuai dan ada pasaran, akan dilaksanakan. Ladang-ladang perusahaan bagi jenis-jenis umbur juga akan ditubuhkan di kawasan-kawasan yang sesuai dengan tujuan membekalkan bahan mentah, terutama sekali untuk kilang-kilang palpa dan kertas.

11) Kerajaan Persekutuan akan mengongkosi segala perbelanjaan bagi pembangunan kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal dan juga dengan sumbangan dari pihak sektor swasta untuk melaksanakan operasi pembangunan kawasan Hutan Simpan Kekal itu dan juga dengan tujuan menjaga keselamatan dan kemajuan aktiviti pembangunan itu, satu persefahaman antara Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan patutlah diwujudkan untuk mengadakan asas jangka-

panjang menanggungjawabkan kepada Kerajaan Persekutuan terhadap aktiviti-aktiviti pengurusan dan operasi pembangunan.

D. PENGUSAHASILAN HUTAN

12) Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri berkenaan hendaklah menyediakan rancangan-rancangan tertentu supaya kerja-kerja mengeluarkan hasil hutan samada dari kawasan Hutan Simpan Kekal atau Tanah Kerajaan dikawal dan diselaraskan betul-betul mengikut rancangan-rancangan pengurusan tertentu supaya pengeluaran yang berpatutan dapat diselenggarakan, mengurangkan kerosakan kepada anak benih semulajadi, hakisan tanah dan kekotoran kepada sungai-sungai.

13) Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, hendaklah juga menyediakan rancangan-rancangan yang tegas supaya pengusahasilan, dan penggunaan sepenuhnya hasil hutan di dalam kawasan tanah sebelum dijadikan kawasan pertanian terjamin. Untuk menjayakannya, semua agensi Kerajaan yang terlibat dalam soal pembangunan tanah hendaklah memberi kerjasama mereka kepada Jabatan-Jabatan Perhutanan.

E. PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN KAYUKAYAN

14) Jabatan Perhutanan Persekutuan akan meluaskan lagi gerakan dan perkhidmatannya untuk mengatasi masalah kekurangan pengetahuan teknik dalam perindustrian kayukayan supaya dapat membantu pengusaha-pengusaha mencapai kecekapan yang pesat dan penghasilan yang lebih tinggi.

15) Perindustrian kayukayan yang sedia ada hendaklah digalakkan supaya disusun semula untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi dan penggunaan kayu balak dengan sepenuhnya dengan cara bergabung serta mengintegrasikan pemerosesan. Penyusunan ini termasuklah penempatan semula industri-industri itu ke tapak-tapak yang lebih sesuai dari segi ekonomi.

16) Satu aspek perkembangan perindustrian kayukayan pada masa akan datang ialah penubuhan kilang-kilang perusahaan kayu bercorak 'intergrated' di mana yang penting sekali ialah mengutarakan daya penggunaan balak-balak yang lebih meluas tentang saiz dan jenisnya, di samping usaha memperoses yang kian bertambah, dengan tujuan mempelbagai dan meninggikan lagi mutu keluaran.

17) Penubuhan industri palpa dan kertas hendaklah diberi keutamaan dengan adanya unjuran menunjukkan kemungkinan kekurangan bahan-bahan tersebut di seluruh dunia pada masa-masa akan datang.

18) Dengan tujuan semata-mata untuk menggalakkan pembangunan semua bi-

dang/peringkat perusahaan perkayuan (wood-based industries) mengikut kadar dan corak (pattern) sepatutnya, serta sejajar dengan prinsip ada bahan-bahan mentah yang mencukupi dan keperluan pasaran yang senantiasa berubah dalam jangkamasa yang panjang, samada di dalam atau di luar negeri, maka pihak-pihak berkenaan patutlah mengadakan program-program pembangunan industri perkayuan selaras dan sejajar dengan prinsip adanya bahan-bahan mentah itu didapati dari negeri-negeri berkenaan.

F. PENYERTAAN BUMIPUTRA

19) Penyertaan Bumiputra dalam lapangan perusahaan kayukayan hendaklah diberi keutamaan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan khususnya mengenai penyusunan semula masyarakat. Untuk mencapai matlamat Dasar tersebut, usaha memberi bantuan seperti kemudahan kewangan, nasihat dan bantuan teknik serta latihan kakitangan di semua peringkat perusahaan, hendaklah dilaksanakan sepenuhnya.

G. PENYELIDIKAN PERHUTANAN

20) Kerajaan Persekutuan hendaklah mengadakan peruntukan menjamin penyelidikan-penyelidikan yang meluas dalam semua bidang penyelidikan perhutanan dan pendidikan bagi tujuan mendapatkan pengeluaran khazanah hutan daripada Hutan Simpan Kekal dengan seberapa banyak yang boleh secara berkekalan dan juga untuk meluaskan lagi taraf penggunaan kayu serta mengembangkan industri-industri keluaran hutan.

21) Semua bidang penyelidikan perhutanan hendaklah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Persekutuan dengan bantuan dan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri melalui Pengarah Perhutanan Negeri masing-masing.

H. LATIHAN

22) Untuk membekalkan tenaga manusia yang terlatih program-program latihan yang lengkap akan dilaksanakan dalam berbagai jurusan pembangunan dalam sektor perhutanan. Kemudahan latihan untuk sektor swasta dan awam akan diadakan dalam Negara dengan sepenuhnya.

I. PENDIDIKAN TENTANG FAEDAH PERHUTANAN

23) Masyarakat umum hendaklah memberi penghargaan tinggi atas peranan penting perhutanan dalam soal mengekalkan keseimbangan keadaan fizikal, sosial dan ekonomik di alam sekeliling. Segala kesempatan hendaklah diambil supaya Kerajaan betul-betul dapat memberi kesedaran di kalangan masyarakat

tentang faedah perhutanan. Cara-cara siberan, termasuk syarahan-syarahan yang sesuai, ceramah-ceramah melalui siaran radio dan rencana-rencana yang ditulis dalam akhbar-akhbar atau majallah-majallah yang lain haruslah digunakan. Sebagai langkah permulaan kearah memahami peranan penting perhutanan, galakan hendaklah diberi di bangku-bangku sekolah meminati ilmu sains perhutanan.

24) Tempat-tempat untuk kemudahan berisytirehat di dalam hutan seperti tempat-tempat meninjau dan berkelah, taman-taman hutan dan kawasan-kawasan semulajadi yang indah hendaklah diada serta dikekalkan. Orang ramai hendaklah digalak menggunakan dengan sepenuhnya kemudahan-kemudahan tersebut.

**TERJEMAHAN BAHASA INGGERIS
(ENGLISH TRANSLATION)**

FORESTRY POLICY PENINSULAR MALAYSIA

Recognising the vital role of forests for the welfare of the community and the national economy through their multiple uses and the need for a common forestry policy as a basis for close co-operation among State and Federal Governments, in the proper and effective management of forests and rational utilisation of forest resources, consistent with the progressive requirements of the Nation, the Federal Government of Malaysia together with the State Governments of Peninsular Malaysia hereby declare that the Forestry Policy for Peninsular Malaysia shall be:—

1) To dedicate as Permanent Forest Estate sufficient areas of land strategically located throughout the country, in accordance with the concept of rational landuse, in order to ensure:-

- i) the sound climatic and physical condition of the country, the safeguarding of water supplies, soil fertility and environmental quality and the minimization of damage by floods and erosion to rivers and agricultural land; such forest lands being known as:
PROTECTIVE FORESTS;
- ii) the supply in perpetuity, at reasonable rates of all forms of forest produce which can be economically produced within the country and are required for agricultural, domestic and industrial purposes, and for export; such forest lands being known as:
PRODUCTIVE FORESTS;
- iii) the conservation of adequate forest areas for recreation, education, research and the protection of the country's unique flora and fauna; such forest lands being known as:
AMENITY FORESTS.

2) To manage the Permanent Forest Estate with the object of maximising social, economic and environmental benefits for the Nation and its people in accordance with the principles of sound forest management.

3) To pursue a sound programme of forest development through regeneration and rehabilitation operations in accordance with approved silvicultural practices in order to achieve maximum productivity from the Permanent Forest Estate.

4) To ensure thorough and efficient utilisation of forest resources on land not included in the Permanent Forest Estate, prior to the alienation of such land, by means of proper coordinated planning by land development agencies in order

to obtain maximum benefits for the people through complete harvesting and processing of such resources, adhering strictly to the optimum need of local processing industries.

5) To promote efficient harvesting and utilization of all forms of forest produce and to stimulate the development of appropriate wood-based industries with determined capacities commensurate with the resource flow in order to achieve maximum resource utilization, create employment opportunities and earn foreign exchange.

6) To ensure the sound development of trade and commerce in and to promote the exportation of forest products.

7) To promote effective Bumiputra participation in forest and wood-based industries consistent with Government policy.

8) To undertake and support an intensive research programme in forest development aimed at achieving maximum yield from the Permanent Forest Estate, maximum direct and indirect benefits from harvesting and utilization and, above all maximum financial return on investment in forest development activities.

9) To undertake and support a comprehensive programme of forestry training at all levels in the public sector in order to ensure an adequate supply of trained manpower to meet the requirements of forestry and wood-based industries.

10) To encourage private sector's involvement in forestry research and training at all levels with a view to accelerate industrial development and enhance the quality of professionalism in forestry and forest industrial practices.

11) To foster, by education and publicity, a better understanding among the community of the multiple values of forests to them and their descendants.

12) To foster close cooperation among all in order to achieve optimum utilization of the valuable natural resources of the country.

POLICY IMPLEMENTATION

A. CONSTITUTION OF PERMANENT FOREST ESTATE

- 1) A Permanent Forest Estate of sufficient acreage must be determined and its security of tenure assured. In order to fulfil the objectives of protection, production and environmental stability as well as amenity as laid down in the Forestry Policy, sufficient acreage of land as considered necessary for the creation of a Permanent Forest Estate be determined and declared as Permanent Forest Estate as early as possible. Such declaration should be given the highest order of priority.
- 2) In selecting areas for the Permanent Forest Estate, the following considerations should be given due weight:—
 - i) the nature of the terrain may limit the potential productivity of a forest. It is therefore not always possible to combine the objectives of protection and production.
 - ii) in order to provide conveniently local demands for forest produce, Productive Forests should be distributed as strategically as possible throughout the country, provided this is in conformity with a sound landuse policy.
 - iii) as timber is a heavy and bulky commodity and is difficult to transport, and Productive Forests should be provided with reasonable access to the principal lines of communication.
- 3) Protective Forests should never be alienated, save in the most exceptional circumstances and after the most careful objective study. One of the purposes of such study should be to ensure that alternative protective measures are practicable and enforceable.
- 4) The forest land which will be set aside for the Permanent Forest Estate will not only meet the increasing demand for wood and other forest products, but will also ensure that environmental and soil conservation, watershed management, wildlife, recreational, aesthetic, research and educational requirements are satisfied.
- 5) All forest lands situated in mountainous areas and on steep slopes, in waterlogged areas or along coastal areas and on flat dry lands where it is now known that such land is not required for any other uses, are to be gazetted as Forest Reserves and certain part or parts of them are to be gazetted as Permanent

Forest Reserves in order to ensure that conservation and environmental protection needs are guaranteed.

B. MANAGEMENT OF PERMANENT FOREST ESTATE

6) The Permanent Forest Estate should be managed to provide optimum production of all forms of forest produce and other benefits for the welfare of the community.

7) The Director-General of Forestry is responsible to the Federal Government for the proper and efficient management of the Nation's Permanent Forest Estate, which is achieved by providing State Governments, through their respective State Directors of Forestry, with technical advice, assistance and training facilities. In the interest of the community and the Nation, State Governments may accept technical and professional advice given by the Director General of Forestry for implementation.

8) If there should be a need in the future for harvesting Amenity and Protective Forests, the State Government may make such a decision upon the advice of the State Director of Forestry.

9) State Governments shall ensure that the Permanent Forest Estate is adequately protected from encroachment or damage.

C. FOREST REGENERATION AND REHABILITATION

10) To ensure the future optimum yield of timber and other forest produce, forest development activities through the implementation of regeneration and rehabilitation operations must be effected intensively throughout the country. In natural forests where regeneration is adequate, appropriate treatments will be applied whilst in poor forests, enrichment planting of commercial indigenous and other appropriate species, will be carried out. Establishment of industrial plantations of quick-growing species will be undertaken on suitable sites with a view to provide raw material principally for a pulp and paper industry.

11) The Federal Government with contributions from the private sector shall bear all the costs for the development of the Permanent Forest Estate and in order to ensure the efficient progress of the implementation of such development activities, a firm understanding between the Federal and State Governments should be worked out to provide the long term basis for the Federal Government to be responsible for management and developmental activities.

D. HARVESTING OF FORESTS

12) The respective State Directors of Forestry must ensure that forest harvesting in both the Permanent Forest Estate and State Land Forest is properly coordinated and regulated in accordance with prescribed management plans to maintain a favourable level of log production and minimize the damage to regeneration, soil erosion and silting of rivers.

13) The respective State Directors of Forestry must also ensure, as far as possible, the maximum use of forest produce on all lands prior to their cultivation. All Government Agencies concerned with land development should cooperate with the Forestry Departments in realising this objective.

E. DEVELOPMENT OF WOOD-BASED INDUSTRIES

14) The Federal Forestry Department will intensify its extension services to remedy the general lack of technical expertise and knowledge in the wood-based industries so as to help them achieve greater efficiency and high productivity.

15) Existing wood-based industries should be encouraged to restructure themselves towards increased efficiency of operations, through amalgamation and integration aimed at achieving fuller utilisation of logs and through improved technology to stimulate product sophistication. This restructure will include the physical relocation of industries to sites which are more economically attractive.

16) A major aspect of future development will be the establishment of integrated wood manufacturing complexes, an important feature of which will be the utilization of a wider range of sizes and species, together with the development of further processing with the aim of diversifying the range of products and increasing the value added.

17) In view of the projected shortage of pulp and paper products, priority should be given to the establishment of a pulp and paper industry.

18) With the objective of encouraging the desired rate and pattern of growth of all types of wood-based industries, consistent with the principle of resource availability on long-term basis and the everchanging and diversified market demands both internally and externally, it is urged that all authorities concerned should formulate wood industry development programmes to be consistent and in conformity with the principle that, there is sufficient raw material available within the respective State.

F. BUMIPUTRA PARTICIPATION

19) In conformity with the New Economic Policy, Bumiputra participation in the forest industries must be given top priority. To achieve the target as stipulated by the said Policy, maximum efforts shall be made to provide such facilities as financial, advisory, and technical assistance and training of personnel at all levels of industrial operations.

G. FORESTRY RESEARCH

20) The Federal Government shall provide funds necessary for all aspects of an expanded forestry research and education in order to obtain the greatest possible sustained outturn of forest produce from the Permanent Forest Estate, to develop and maximise its resource utilization and to foster the development of the forest products industry.

21) Forestry research shall be conducted by the Federal Forestry Department with the assistance and cooperation of State Governments through their respective State Directors of Forestry.

H. TRAINING

22) A comprehensive training programme in various fields of forestry development will be implemented to meet the trained manpower requirements of the forestry sector. Maximum training facilities for both public and private sectors will be provided in the country.

I. EDUCATION IN THE VALUE OF FORESTRY

23) The vital role of forestry in the preservation of a balanced physical, social and economic environment, shall be fully appreciated by the community. Every opportunity to create better community awareness in the value of forests should be utilised, including suitable lectures, broadcast talks, and articles in the press and other publications. In schools, the encouragement of an interest in forestry science may be regarded as the first major step towards understanding the importance of forests.

24) Facilities for recreation in forests, such as look-out and picnic spots, forest parks and areas of natural beauty, should be provided and preserved and the community should be encouraged to make optimum use of such facilities.

